

20 MAY 1997

Mahathir-Abad

DR MAHATHIR ISYTIHARKAN ABAD KE21 SEBAGAI "ABAD BAGI DUNIA"

Oleh: Azman Ujang

LONDON, 20 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengisytiharkan abad ke-21 sebagai "Abad untuk Dunia" yang akan mewujudkan keamanan dunia yang belum pernah dirasakan sebelum ini dan kemakmuran yang dikongsi bersama, semuanya hasil daripada era maklumat.

Beliau mempunyai wawasan Abad Dunia di mana kuasa-kuasa yang menentukan arah tuju Era Maklumat akan menyebabkan sempadan-sempadan fizikal, sosial dan ekonomi dibolosi dan ini akan memangkinkan pertumbuhan melalui proses "saling memperkayakan" antara satu sama lain.

Proses ini boleh terjadi dengan bersama berkongsi dalam mewujudkan nilai-nilai melalui rangkaian-rangkaian (webs) perikatan antara syarikat-syarikat yang akan mewujudkan keadaan di mana syarikat-syarikat yang terbaik tidak lagi dapat menjalankan aktiviti ekonomi mereka dalam lingkungan sempadan korporat mereka, kata beliau ketika memulakan "road shownya" untuk mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia di Eropah sini.

London ialah perhentian yang ketiga dalam apa yang disifatkan oleh Perdana Menteri sebagai pengembaraan penuh peristiwa beliau untuk menarik minat dan sokongan kepada MSC, iaitu kawasan dengan keluasan 15km x 50km yang disediakan untuk syarikat-syarikat multinasional untuk memusatkan aktiviti pengeluaran dan perdagangan mereka melalui multimedia. Awal tahun ini beliau telah pun membuat promosi yang sama di Amerika Syarikat dan Jepun.

Kawasan MSC bermula dari Menara Kembar Petronas, iaitu bangunan tertinggi di dunia yang juga dikenal sebagai Kuala Lumpur City Centre (KLCC), ke Putrajaya, iaitu pusat pentadbiran kerajaan pusat yang menggantikan Kuala Lumpur.

Dalam ucap utamanya di depan khalayak seramai lebih dari 1,000 terdiri dari ketua-ketua eksekutif dan eksekutif kanan syarikat-syarikat teknologi maklumat dari beberapa negara Eropah di Kolej Imperial di sini, Dr Mahathir mengandaikan syarikat-syarikat yang akan maju pada abad baru itu sebagai labah-labah.

"Seperti labah-labah, mereka akan menenun lingkaran hubungan yang lebih rumit dengan syarikat-syarikat lain supaya masing-masing menjalankan aktiviti yang dapat dilakukan oleh mereka dengan paling baik," kata beliau sambil menambah bahawa dunia benar-benar telah memasuki era baru tanpa sempadan di mana pengeluaran barangan dan perkhidmatan boleh menjadi global sebenarnya.

Dalam satu ekonomi yang berpengetahuan, kreativiti, inovasi dan keusahawanan adalah sumber-sumber yang sukar didapati dan tidak boleh dikurung dalam lingkungan sempadan tetapi memerlukan pergerakan bebas manusia dan idea-idea untuk saling memperkayakan.

Beliau juga ingin melihat setiap negara dan semua manusia di dunia ini diberi peluang untuk bersaing dalam apa bentukpun dan juga di manapun.

Ucapan Dr Mahathir yang bertajuk "Jambatan Global Dari Eropah ke Asia untuk Abad Dunia" memperlihatkan sinario masyarakat Era Teknologi di mana Asia mempunyai peranan khusus dalam mewujudkan Abad Dunia.

Asia, terutamanya tujuh negara Asean telah berusaha menggalakkan dasar "mukmurkan jiran kamu" untuk menghapuskan pemikiran "jadikan jiran kamu miskin" yang telah terlalu lama diamalkan oleh negara-negara.

Sikap inilah yang telah menjadikan negara-negara Asean -- Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam -- badan

seramntau yang paling pesat membangun.

Kata beliau Eropah telah lama mula menghapuskan sempadan antara negara tetapi bukan kerana Era Maklumat telah datang ke rantau itu lebih awal tetapi sebaliknya negara-negara itu telah berperang antara satu dengan lain sekerapnya.

Perdana Menteri memberitahu para pemimpin industri Eropah bahawa walaupun mereka mempunyai sedikit pengalaman dalam dunia tanpa sempadan dengan Kesatuan Eropah, mereka masih perlu mengetahui bagaimana ia berfungsi dalam Era Maklumat.

Untuk inilah Malaysia menawarkan MSC sebagai satu kawasan ujian yang luas untuk menguji bukan hanya teknologi tetapi juga cara hidup dalam era maklumat segera dan tanpa batas.

Dr Mahathir berkata adalah benar beberapa negara lain mempunyai projek seperti MSC, semuanya penting dan unik juga.

"Tetapi saya ingin mengakui bahawa MSC adalah kawasan ujian yang paling menyeluruh, dibentuk untuk tujuan mempelajari dan menguji teknologi-teknologi dan aplikasi mereka dalam Era Maklumat."

Beliau juga berjanji bahawa kerajaan Malaysia, yang sentiasa mesra perniagaan, akan menjadi lebih mesra dengan mereka yang menyertai MSC.

Contohnya, pekerja yang berpengetahuan akan dilayan sebagai tetamu khas dengan membolehkan mereka keluar masuk dari MSC tanpa kesukaran dan diberikan visa pelbagaiguna sebagai sebahagian daripada pakej insentif 10 perkara yang dinamakan Bil Jaminan.

Lain-lainnya termasuk kebebasan memiliki syarikat, termasuk pemilikan 100 peratus, tarif telekomunikasi yang kompetitif dan satu agensi pelaksanaan sehenti peringkat tinggi.

Dr Mahathir berkata setakat ini MSC telah menarik minat dunia dengan kira-kira 1,000 pertanyaan serius, dan dari jumlah itu 30 pemain utama telah menyatakan komitmen mereka untuk mengadakan projek.

Syarikat-syarikat ini telahpun terlibat dengan menstrukturkan MSC, dan mereka termasuk Microsoft, Sun Microsystems, Netscape, EDS and IBM.

Beliau juga berkata satu bidang kajian yang baru akan diperlukan untuk menangani perubahan psaiologi yang akan dibawa oleh Era Maklumat, dan ini secara sendirinya bermakna lebih banyak peluang untuk mempergunakan MSC.

"Era Maklumat perlu menghasilkan tamadun dunia yang lebih baik daripada yang kita ketahui di masa-masa silam.

"Perlu diingat bahawa kami membangunkan MSC bukan hanya untuk diri kami sendiri. Ia merupakan sumbangan kami kepada Abad Dunia Era Maklumat," kata Perdana Menteri." -- BERNAMA

AU WAT